



22 Julai 2016
22 July 2016
P.U. (A) 210

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (TARIKH PELETAKHAKAN) 2016

MALAYSIA CO-OPERATIVE SOCIETIES COMMISSION (VESTING DATE) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007

PERINTAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (TARIKH PELETAKHAKAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Tarikh Peletakhakan) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Tarikh peletakhakan

2. Menteri menetapkan 1 Januari 2008 sebagai tarikh peletakhakan bagi maksud seksyen 5 Akta dan pada tarikh itu segala harta, hak dan liabiliti—

(a) Kerajaan Malaysia;

(b) Ketua Pendaftar Koperasi bagi Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];

(c) Pendaftar Persatuan Nelayan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971 [*Akta 44*]; dan

(d) Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*],

yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dipindahkan dan diletak hak pada Suruhanjaya Koperasi Malaysia tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik.